



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ISMAIL RESTU

TOKOH PERSURATAN MELAYU NEGERI KEDAH

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU HIDUP SEBAGAI PENULIS

NUR FARHANA BINTI OMMAR SIDIK

2016572227

NURAIN FATIN BINTI HAMZAH

2016725885

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2018 – JULAI 2018

ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	ABSTRAK	1
2.	PENHARGAAN	2
3.	SENARAI ABREVIASI	3
4.	SENARAI SINGKATAN	4
5.	RUJUKAN KATA	5
6.	BIODATA PENEMUBUAL	
	• Penemubual Pertama	7
	• Penemubual Kedua	8
7.	BIODATA TOKOH	10
8.	SEJARAH LISAN	
	• Pengenalan	12
	• Objektif Kajian	13
	• Pernyataan Masalah	14
9.	KAEDAH PELAKSANAAN SEJARAH LISAN	16
10.	KAJIAN LITERATUR	18-22
11.	TRANSKRIP TEMBUAL BERSAMA TOKOH	24-44
12.	LOG TEMUBUAL	46-54
13.	RALAT	57
14.	GLOSARI	59-61
15.	KESIMPULAN	63
16.	INDEKS	65-67
17.	BIBLIOGRAFI	69

18. LAMPIRAN

• Biografi Tokoh	71
• Senarai Soalan	72-75
• Diari Penyelidikan	76-80
• Gambar dan Sijil-sijil Berkaitan	81-84
• Surat Perjanjian	85

ABSTRAK

Temubual Bersama Ismail Restu: Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah

Nur Farhana Binti Ommar Sidik

Nurain Fatin Binti Hamzah

Falkuti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara, Kampus Sungai Petani,
Merbok, Kedah

ABSTRAK

Ismail Restu atau nama sebenarnya Ismail bin Ahmad merupakan seorang penulis dalam bidang kesusasteraan Melayu. Maklumat mengenai latar belakang Ismail Restu dinyatakan secara terperinci. Penglibatan beliau dalam bidang penulisan diceritakan dan turut dimasukkan mengenai karya-karya yang dihasilkan beliau. Kejayaan Ismail Restu dalam meraih anugerah Tokoh Persuratan Melayu 2015 diterangkan. Turut menyelitkan nasihat dan perkongsian Ismail Restu kepada penulis baru turut dikongsikan. Cabaran dan halangan yang beliau hadapi sepanjang 46 tahun sebagai penulis turut diceritakan.

KATA KUNCI

Ismail Restu, Penulis, Tokoh Penulis, Cabaran penulisan, Tokoh Persuratan Negeri Kedah

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T.

Bersyukur kehadiran Illahi, kami dapat menyiapkan kerja kursus Dokumentasi Sejarah Lisan dengan jayanya dan berjaya menyiapkan pengdokumentasian sejarah lisan dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Pertamanya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Azree Ahmad kerana memberi tunjuk ajar dalam subjek ini sepanjang kami melakukan kajian tentang tokoh bagi menyiapkan kerja kursus ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ismail Restu yang sudi menjadi tokoh temubual bagi kerja kursus sejarah lisan ini. Kesudian beliau untuk berkongsi pengalaman beliau dalam bidang penulisan amatlah membantu kami dalam membuat kajian. Terima kasih juga kerana kesudian Ismail Restu kerana meluangkan masa untuk ditemubual.

Tidak lupa juga rasa terima kasih kami kepada rakan-rakan di kelas KIM244 5C diatas kerjasama yang mereka berikan sepanjang semester ini diatas kesudian mereka berkongsi maklumat dan bertukar pendapat bagi memantapkan lagi kerja kursus kami.

Seterusnya, ribuan terima kasih kepada kedua ibubapa kami yang telah banyak memberi dukungan, sokongan dan juga bantuan kewangan sepanjang kami melakukan kerja kursus ini. Tanpa sokongan mereka tidak mungkin kami dapat menghasilkan kerja kursus yang seperti ini dengan sebaik yang mungkin.

Akhir kalam, kami harap tugas yang kami hasilkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kami didalam melakukan pengdokumentasian sejarah lisan seterusnya diharapkan kerja kursus kami boleh dijadikan rujukan kepada individu lain dalam mengetahui sejarah berkaitan pengalaman hidup Ismail Restu di dalam bidang penulisan.

SENARAI ABREVIASI

RINGKASAN	MAKSUD
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ASASI	Angkatan Sasterawan Nasional Kedah
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SENARAI SINGKATAN


SINGKATAN	MAKSUD
NFOS	Nur Farhana binti Ommar Sidik
NFH	Nurain Fatin binti Hamzah
IR	Ismail Restu

RUJUKAN KATA

PERKATAAN	MAKSUD
Bisa	Boleh
Catitan	Catatan
Hah	Ya
IC	No Kad Pengenalan
La	Lah
Mintak	Minta
Ni	Ini
Nih	Ini
Okey	Baiklah
Tak	Tidak
Tau	Tahu
Terbawak-bawak	Terbawa-bawa
Tu	Itu

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



NAMA	Nur Farhana Binti Ommar Sidik
TARIKH LAHIR	13 Januari 1996
TEMPAT LAHIR	Hospital Queen Elizabeth
ALAMAT	
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan


BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



NAMA	Nurain Fatin Binti Hamzah
TARIKH LAHIR	6 Mei 1995
TEMPAT LAHIR	Hospital Kota Bharu
ALAMAT	
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	Ismail Bin Ahmad
NAMA PENA	Ismail Restu
TARIKH LAHIR	11 Mei 1940
TEMPAT LAHIR	
ALAMAT	
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PEKERJAAN	Pesara Guru & Penulis

SEJARAH LISAN

PENGENALAN

Kajian mengenai pengalaman hidup Ismail Restu dalam bidang penulisan ini dilakukan oleh Nur Farhana binti Ommar Sidik dan Nurain Fatin binti Hamzah yang merupakan pelajar semester 5 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perpustakaan. Kajian ini dilakukan dibawah bimbingan Dr. Azree bin Ahmad yang merupakan pensyarah bagisubjek IMR604 Dokumentasi Sejarah Lisan.

Temu bual bersama Ismail Restu telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada 31 Mei dan 25 Jun 2018 bertempat di kediaman beliau di

. Temubual tersebut telah berlangsung selama 21 minit 42 saat untuk temu bual pertama manakala selama 33 minit 55 saat untuk temu bual kedua menjadikan jumlah temubual keseluruhan adalah 55 minit 36 saat. Tujuan temu bual ini diadakan adalah untuk mengetahui dan merekodkan pengalaman hidup Ismail Restu sebagai seorang penulis.

Ismail Restu atau nama sebenarnya Ismail bin Ahmad merupakan seorang penulis yang telah menghasilkan banyak karya penulisan yang bermutu. Beliau telah dilahirkan pada 11 Mei 1940 di . Beliau merupakan anak ketiga kepada pasangan Ahmad bin Abdul Hamid dan .

Beliau telah mendapat pendidikan awal di sekolah rendah dan menengah dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau kemudiannya berjaya menjawat jawatan sebagai guru pelatih pada usia 16 tahun. Beliau bertugas sebagai guru tetap selama 39 tahun dan kemudiannya bersara pada tahun 1995.

Menjadikan Hajah Kamariah binti Abdul sebagai pasangan hidup, Ismail Restu dikumiakan anak seramai lima orang iaitu yang sulung bernama Akmal, yang kedua Asyidah, ketiga Azhani, keempat Hanisah dan yang terakhir bernama Raimi.

Ketokohan Ismail Restu dalam bidang penulisan telah menarik ramai pihak untuk mengenali beliau. Beliau telah berjaya menghasilkan 34 buah buku, 80 buah puisi dan 250 rencana umum yang melengkap pelbagai lapangan antaranya sajak, cerpen, cerita rakyat, novel serta puisi tradisional.

Pengdokumentasian sejarah lisan bersama Ismail Restu ini secara khususnya bagi mendalami pengalaman hidupnya selama 46 tahun sebagai penulis serta liku-liku yang terpaksa beliau lalui.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui latar belakang Ismail Restu.
2. Untuk mengkaji penglibatan Ismail Restu dalam bidang penulisan.
3. Untuk mengetahui sumbangan Ismail Restu dalam bidang penulisan.
4. Untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai Ismail Restu dengan menemu bual Ismail Restu sendiri.

PENYATAAN MASALAH

1. Kurangnya rekod mengenai tokoh penulis di negeri Kedah bagi menghargai sumbangan mereka dalam bidang penulisan.
2. Tidak dapat mengetahui apa yang seorang penulis hadapi sepanjang terlibat dalam bidang penulisan.
3. Kurang mengetahui bagaimana sesuatu karya itu dihasilkan seorang penulis.

KAEDAH PELAKSANAAN SEJARAH LISAN

Pemilihan tema dan tokoh yang boleh ditemubual

Di peringkat awal kajian, kami menyenaraikan beberapa orang tokoh yang berpotensi untuk ditemubual berdasarkan kredibiliti mereka. Kemudian memilih seorang tokoh sahaja. Tema yang ditetapkan adalah Pengalaman Hidup Ismail Restu Dalam Bidang Penulisan. Tema ini dipilih berdasarkan sumbangan tokoh terhadap bidang penulisan.

Perancangan temubual

Melakukan proses pencarian maklumat bagi mengumpulkan maklumat berkaitan Ismail Restu seterusnya mencari cara untuk menghubungi beliau. Kajian dilakukan melalui pencarian maklumat di internet dan seterusnya menghubungi beliau untuk menanyakan kesudian beliau untuk ditemubual dan menetapkan tarikh temubual.

Pelaksanaan temubual

Sesi temu bual dilakukan sebanyak dua kali bersama Ismail Restu bagi merekodkan maklumat dan mengemukakan soalan-soalan berkaitan kajian kami. Sesi temu bual ini direkod menggunakan perakam suara di dalam telefon bimbit.

KAJIAN LITERATUR

Latar Belakang Ismail Restu

Ismail Restu atau nama sebenarnya Ismail bin Ahmad, dilahirkan di Kampung Bujang pada 11 Mei 1940. Beliau yang merupakan anak ketiga daripada lima adik beradik kepada pasangan Ahmad bin Abdul Hamid dan Che Bashah binti Pudih. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah rendah dan seterusnya meneruskan pendidikannya di sekolah menengah mendapat Sijil Pendidikan Malaysia (SPM). Ismail Restu mendapat tawaran menjadi guru pelatih pada usia enam belas tahun iaitu pada tahun 1956 dan beliau seterusnya dilantik sebagai guru tetap pada tahun 1958. Beliau telah menjadi guru selama 39 tahun dan bersara secara rasminya pada tahun 1995.

Tokoh yang dibesarkan di Kampung Bujang ini telah mendirikan rumahtangga dengan isterinya yang bernama Hajah Kamariah binti Abdul. Hasil daripada perkahwinan itu, mereka telah dikurniakan lima cahaya mata iaitu seorang lelaki dan empat orang perempuan. Anaknyanya yang sulung ialah Akmal diikuti anak yang kedua Asyidah, yang ketiga Azhani, yang keempat Hanisah, dan yang terakhir Raimi.

Ismail Restu menyifatkan dirinya sendiri sebagai seorang suka berterus terang dan kadang kala suka bergurau. Personalitinya ini turut terbawa-bawa dalam karya penulisan beliau. Selain itu, beliau menjadikan membaca dan menonton rancangan televisyen seperti berita dan rancangan ilmiah lain sebagai hobi ketika waktu lapangnya bagi menambah ilmu pengetahuannya. Antara genre buku yang dibacanya adalah seperti buku agama kerana beliau gemar mengikut kuliah-kuliah di masjid.

Penglibatan dalam Bidang Penulisan

Penglibatan Ismail Restu dalam bidang penulisan berlaku secara kebetulan semasa beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Singkir, Yan Kedah. Beliau telah diminta untuk menulis sebuah rencana mengenai pertandingan layang-layang di Kampung Singkir. Kemudiannya, beliau telah mengiriskan karya tersebut ke akhbar Utusan Melayu. Rencana tersebut berjaya diterbitkan dan disitulah bermulanya perjalanan Ismail Restu sebagai seorang penulis. Pada mulanya, beliau menggunakan mesin menaip sebagai alat utama untuk menulis dan seiring dengan perkembangan teknologi, beliau seterusnya menjadikan komputer sebagai alat untuk menulis.

Daripada sekadar menulis rencana di akhbar, penulisanannya kemudiannya berkembang kepada penulisan sajak, cerpen, cerita rakyat, novel serta puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Diantara pelbagai lapangan tersebut, lapangan cerpenlah yang paling banyak beliau hasilkan diikuti sajak dan buku kanak-kanak. Beliau menumpukan buku kanak-kanak sebagai tema utama bagi penulisan beliau yang bergenre fiksyen. Sebagai contoh berkenaan dengan pendidikan anak-anak, nasihat berkenaan dengan contoh-contoh untuk menjadi seorang insan yang baik.

Sepanjang penglibatan beliau selama 46 tahun dalam bidang penulisan bermula dari 1972 sehinggalah sekarang, beliau berjaya menghasilkan sebanyak 100 buah cerpen, 80 buah puisi, 250 buah rencana umum dan 34 buah buku. Di antara karya beliau yang popular adalah Api Dari Langit, Belum Terlewat, Diburu Resah dan Abang Yang Penyayang. Selain itu, antara karya-karya lain beliau menurut carian di OPAC Library Net adalah Perkasa, Kuda Hijau, Tok Janggut, Anak-anak Kampung Mawar, dan sebagainya.

Idealisme yang diterapkan dalam penulisan beliau adalah untuk mempengaruhi para pembaca terutamanya golongan kanak-kanak untuk berbuat baik dan mencegah mereka daripada berbuat jahat. Tidak hanya menerhadkan Kedah sahaja sebagai latar tempat di dalam karyanya, beliau turut menjadikan kampung dan kota di negeri-negeri lain sebagai latar tempat.

Beliau pernah memakai beberapa nama samaran seperti Esmadi Mas, A. Suradi, Pena Rindu, tetapi akhirnya beliau kekal dengan Ismail Restu. Menceritakan bagaimanapun beliau mendapat ilham untuk menggunakan nama Restu. Beliau menyatakan nama pena merupakan sesuatu hal yang diminat oleh para penulis dan selalu menukar-nukarkan nama mereka. Beliau mendapati perkataan Restu itu ketika beliau melawat ke negara seberang iaitu Indonesia. Di situlah beliau bertemu dengan sebuah toko buku bernama Restu dan tertarik dengan perkataan ini. Jadi apabila pulang ke tanah air, beliau terus menggunakan nama Ismail Restu sebagai nama penanya dan kekal sehingga sekarang.

Buku-buku yang telah ditulis beliau telah diterbitkan oleh pelbagai penerbitan termasuklah tujuh buah buku beliau diterbitkan oleh penerbitan yang terkenal di tanah air iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, penulisan beliau turut

diterbitkan oleh Utusan Publication, PTS, K Publishing, SASBADI, Cerdik Publication, JAKIM dan lain-lain penerbit lagi. Beliau merasa bertuah kerana bukunya telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang merupakan sebuah penerbitan yang berkaliber.

Buku yang bertajuk Anak-anak Bertuah menjadi buku yang paling memberi makna kepada beliau kerana buku tersebut mengangkat tema keagamaan iaitu kisah dua orang anak yang turut mengerjakan fardhu haji di Mekah. Karya ini turut memberi kesan kepada kerjayanya sebagai penulis, apabila karya ini memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1996-1997 dalam Kategori Buku Kanak-kanak. Seterusnya menaikkan nama beliau dalam bidang penulisan itu sendiri.

Walaupun dirinya sendiri telah berjaya menghasilkan banyak karya namun beliau tetap mempunyai inspirasi atau idola sendiri yang memberi inspirasi dan pengaruh sedikit sebanyak terhadap penulisan beliau. Antara penulis yang menjadi idola beliau ialah Syahnan Ahmad dan A. Samad Said dari Malaysia manakala Amir Hamzah, Mutu Wijaya Dari Indonesia. Beliau menyatakan cara mereka menulis dan idea-idea bernas dari mereka boleh menimbulkan idea baru kepada dirinya.

Bagi menajamkan lagi ilmu beliau dalam bidang penulisan, beliau banyak mengikuti bengkel-bengkel penulisan yang diadakan oleh persatuan penulis dan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Melalui bengkel yang disertai itulah yang mempengaruhinya untuk terus giat menulis dan menjadi salah seorang penulis yang berjaya. Penyertaan Ismail Restu dalam bengkel penulisan ini turut disebut di dalam sebuah akhbar iaitu akhbar Utusan Online di mana beliau menyertai Bengkel Penulisan Geografi Penulis-penulis Utara bersama rakan sebidangnya yang lain.

Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah

Kejayaaan beliau dalam menghasilkan pelbagai karya penulisan, telah melayakkan diri beliau untuk dianugerahkan sebagai Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah pada tahun 2015. Anugerah yang diberikan oleh Persatuan Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI) mengiktiraf sumbangan Ismail Restu yang selama ini telah banyak menghasilkan karya-karya yang bermutu dalam lapangan cerpen, puisi, novel dan cerita-cerita klasik.

Terdahulu, beliau turut menerima Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1996-1997 dalam Kategori Buku Kanak-kanak untuk bukunya yang bertajuk Anak-anak Bertuah. Anugerah-anugerah yang diterima oleh beliau, telah mengiktiraf Ismail restu sebagai seorang tokoh yang disegani dalam bidang penulisan.

Cabaran dan Halangan Menjadi Penulis

Sebagai seorang penulis yang sudah lama berkecimpung dalam dunia penulisan ini, sudah pastilah Ismail Restu telah banyak melalui pelbagai cabaran dan halangan serta turut mengalami peristiwa-peristiwa yang tidak dapat beliau lupakan. Cabaran utama yang dialami adalah kekurangan idea dan cepat merasa bosan ketika menulis. Masalah ini membuatkan banyak karya penulisannya terbantut di tengah jalan, terbiar begitu saja dan tidak berpeluang untuk diterbitkan.

Segelintir penulis akan pasti kebosanan jika sering menulis tanpa henti, jadi langkah yang beliau ambil bagi mengatasi rasa kebosanan beliau adalah dengan berhenti sejenak sebelum kembali menyambung penulisan tersebut. Bagi menaikkan semangatnya semula untuk menulis, beliau kerap membuat pembacaan, menonton dan mendengar cerita dari para sahabatnya.

Selain itu, beliau turut mengalami cabaran dalam memastikan kandungan cerita yang ditulisnya bermutu dan boleh dibaca oleh pembaca dari segenap lapisan umur. Untuk mengatasi masalah ini, beliau akan membuat penyelidikan terlebih dahulu untuk mengesahkan fakta-fakta yang akan digunakan dan turut membuat sesi temu bual bersama watak-watak yang dijadikan sebagai rujukan dalam penciptaan watak.

Menjadi seorang penulis yang namanya dikenali tidaklah muda bagi Ismail Restu apabila terdapat cubaan penyamaran identiti beliau. Beliau mengisahkan pada suatu ketika dahulu, beliau mendapat tahu daripada seorang kakitangan sebuah penerbitan majalah bahawa terdapat seorang individu cuba menggunakan nama beliau untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat tersebut. Beliau agak terkejut dengan peristiwa itu namun tidak mengambil apa-apa tindakan kerana menganggap itu adalah lumrah apabila menjadi seorang yang dikenali dan memandangnya dari sudut positif.

Nasihat dan Perkongsian kepada Penulis Baru

Sebagai seorang penulis yang sudah lebih empat dekad dalam bidang ini, Ismail Restu turut berkongsi nasihat kepada bakal-bakal penulis baru. Beliau menasihati mereka untuk memperbanyak pembacaan kerana daripada membaca mereka dapat menjadikannya sebagai modal untuk menulis.

Di samping itu, beliau turut berkongsi tip bagaimana untuk menjadi penulis yang bagus iaitu dengan mula menulis. Katanya, penulis patut cuba untuk menulis dengan genre yang mereka gemari misalnya dengan menulis puisi iaitu cerpen kemudian barulah menulis sebuah novel. Bagi Ismail Restu, usaha kecil akan membawa kejayaan yang lebih besar jika diusahakan dengan lebih gigih.

Di akhir-akhir pengucapannya, beliau mengatakan bahawa seorang penulis sepatutnya tidak berlengah dalam melakukan setiap pekerjaan dan cuba, cuba dan terus mencuba sehingga berjaya.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penglibatan Ismail Restu dalam bidang penulisan bermatlamat untuk mempengaruhi pembaca dan membimbing manusia ke jalan yang benar dan mencegah dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah sesuai tuntutan agama Islam.

Ismail Restu layak digelar tokoh yang berkaliber dalam bidang penulisan kerana karya-karyanya yang tidak hanya memberi ilmu tetapi turut menerapkan nilai-nilai yang memberi pengajaran kepada pembacanya. Selain itu beliau juga seorang yang merendah diri dan tidak lokek dalam berkongsi ilmu dengan sesiapa pun tidak mengira golongan umur.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL BERSAMA
TOKOH**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ISMAIL RESTU: TOKOH PERSURATAN MELAYU NEGERI KEDAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan yang mengandungi dua bahagian mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang penulisan. Bersama-sama kami ialah Ismail bin Ahmad atau nama penanya Ismail Restu yang merupakan pesara guru dan seorang penulis sepenuh masa.

Rakaman bahagian pertama dijalankan pada 31 Mei 2018 bersamaan dengan hari Khamis manakala bahagian kedua dijalankan pada 25 Jun 2018 bersamaan dengan hari Isnin. Kedua-dua temubual dilakukan di kediaman Ismail Restu yang terletak di Kampung Bujang, Bedong Kedah. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Farhana binti Ommar Sidik dan Nurain Fatin binti Hamzah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

31 Mei 2018

NFOS : Jadi soalan dia, boleh Encik Ismail perkenalkan diri Encik - tentang nama penuh, asal, tempat lahir, macam tu [itu]?

IR : Ya, saya - nama sebenar saya Ismail bin Ahmad. Saya menggunakan nama samaran sebagai Ismail Restu. Saya dilahirkan di kampung ini, di Kampung Bujang ini pada 11 Mei 1940.

NFOS : Boleh tak [tidak] kalau kami nak tahu nama ibu bapa Encik?

IR : Ya, boleh jugak. Nama bapa saya Ahmad bin Abdul Hamid dan ibu pula Che Bashah binti Puidih.

NFOS : Encik anak beberapa?

IR : Saya anak ketiga dari lima orang adik beradik.

NFH : Boleh tak Encik ceritakan tentang latar belakang pendidikan Encik Ismail. Maksudnya Encik belajar di mana pada sekolah rendah ke, sekolah menengah ke?

IR : Oh itu rasanya malu nak saya terangkan sebab saya ni [ini] hanya bersekolah sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya tidak berpeluang melanjutkan pelajaran hingga ke universiti, jadi kelulusan saya hanya setakat SPM sahaja.

NFOS : Oh, boleh tak Encik ceritakan tentang keluarga Encik? Seperti nama isteri dan berapa orang anak Encik.

IR : Oh, begitu pulak [pula]. Isteri saya bernama Hajah Kamariah binti Abdul. Kami mempunyai lima orang anak. Seorang lelaki dan empat orang perempuan, yang sulungnya lelaki bernama Akmal, yang kedua - yang kedua hingga keempat itu semuanya perempuan. Yang kedua Asyidah, yang ketiga Azhani, yang keempat Hanisah dan yang kelima Raimi.

NFOS : Seperti yang kami maklum, sebelum menjadi seorang penulis Encik merupakan seorang guru. Boleh ceritakan kepada kami pengalaman Encik bekerja sebagai guru?

IR : Ya saya bekerja sebagai guru sejak berusia enam belas tahun, yaitu [iaitu] sebagai guru pelatih. Kemudian, diangkat menjadi guru tetap. Guru pelatih itu pada tahun 1956, pada 1958 baru saya di angkat ke - sebagai guru tetap. Saya bertugas dari tahun 1956 itu hinggalah ke 1955. Ertinya saya bertugas sebagai guru ini selama tiga puluh Sembilan tahun.

NFH: Macam mana daripada seorang guru boleh jadi seorang penulis tu [itu]?

IR : Oh pandai tanya. Sebagai penulis ini sebenarnya sebagai kebetulan sahaja. Semasa saya berada di -- sebagai -- semasa saya bekerja di - bekerja sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Singkir Yan Kedah. Saya dimintak [diminta] menulis sebuah rencana mengenai pertandingan layang-layang di Kampung Singkir. Kemudian saya pun cuba menulis dan mengirimkannya ke akhbar Utusan Melayu. Kebetulan rencana itu diterbitkan dan disitulah bermulanya saya sebagai penulis.

NFOS : Apakah karya pertama yang Encik hasilkan?

IR : Oh yaa.. karya pertama ialah sebuah rencana yang berjudul Pertandingan Layang-Layang di Kampung Singkir Kedah.

NFH : Seperti yang Encik cakap tadi, Encik hantar atas dorongan or -- atas -- hantar kepada penerbit tu disebabkan orang yang meminta? (ketawa)

IR : Takpa, teruskan.

NFH : Soalan seterusnya apakah karya-karya yang Encik hasilkan selain rencana - selain daripada rencana pertama itu?

IR : Oh ya.. dari situlah, dari rencana tersiap itulah berkembang dunia penulisan saya kepada tulisan tulisan lain seperti puisi, cerpen dan novel. Saya pun terus menulis hinggalah sekarang.

NFOS : Apakah genre ataupun tema penulisan Encik Ismail?

IR : Oh, temanya tentulah pelbagai dan macam-macam tema yang pernah saya tuliskan.

NFH : Boleh senaraikan antaranya?

IR : Tema tu?

NFH : Ya tema.

IR : Tema saya -- saya sebenarnya banyak menulis buku-buku untuk kanak-kanak. Temanya tentulah berkenaan dengan pendidikan anak-anak, nasihat berkenaan dengan contoh-contoh untuk menjadi seorang insan yang baik.

NFOS : Jadi buku tu fiksyen lah?

IR : Buku fiksyen sebenarnya itu semua buku fiksyen. Setakat ini saya sudah menghasilkan 34 buah buku, kebanyakan buku kanak-kanak.

NFH : Oh.

NFOS : Antara semua karya Encik hasilkan tu [itu], mana karya yang paling Encik suka tulis. Kenapa? Encik paling suka bila tulis karya tu [itu] maksudnya.

IR : Saya kira di antara banyak-banyak ini buku yang [bunyi kenderaan melalui kawasan rumah] - novel kanak-kanak yang berjudul 'Anak-anak Bertuah' itulah yang agak bermakna bagi saya. Sebab buku itu bertemakan buku keagamaan, kisah dua orang anak yang turut mengerjakan fardhu haji di Mekah.

NFH : Macam mana boleh terdetik untuk Encik menulis kisah tersebut?

IR : Sebenarnya -- sebenarnya [bunyi motor dan bunyi telefon rumah] ini timbul dari rasa untuk memberi kanak-kanak untuk - untuk menimbulkan ataupun untuk memberikan pengalaman kepada kanak-kanak tentang pekerjaan haji di mekah.

NFH : Boleh - boleh kami - boleh saya tahu tahun buku tu [itu] diterbitkan?

IR : Kena tengok di bukulah, buku ada.

NFH : Nanti kami tengok. Antara penerbit-penerbit yang bekerjasama dengan Encik untuk menerbitkan buku Encik?

IR : Oh, buku saya boleh dikatakan kebanyakannya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain daripada itu memang banyak penerbit-penerbit lain yang menerbitkan buku saya seperti Utusan Publication, PTS, K Publishing, Sab - SASBADI, Cerdik Publication, JAKIM dan lain-lain penerbit lagi.

NFOS : Dalam banyak-banyak buku yang Encik tulis, ada tak buku yang Encik paling suka, gemar atau dia beri kesan kepada Encik sendiri?

IR : Ya, sebenarnya buku yang saya sebut tadilah "Anak-anak Bertuah" kerana buku ini telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia tahun 1996/1997 dalam Kategori Novel Kanak-kanak.

NFH : Boleh saya tahu berapa lama masa Encik ambil untuk menulis buku ini?

IR : Saya pun tak berapa ingat, tapi saya ingat lebih kurangnya berbulan jugaklah berbulan-bulan mungkin dua atau tiga bulan lamanya.

NFH : Memang selalu satu-satu buku tu, memang mengambil masa dua hingga tiga bulan?

IR : Tidak jugak. Kalau buku yang nipis tu, mungkin pendek saja masanya, buku yang panjang masa pun panjang sikit. Buku tu [itu] tebalnya tidak sama kan.

NFOS : Ya, semasa menulis, apa cabaran-cabaran yang Encik hadapi? Ada tak?

IR : Cabaran - cabaran ni mungkin sikit-sikit ada jugak. Misalnya -- kadang-kadang kita menulis dia ikut mood. Kadang-kadang kita menulis lancar ja tulisan kita tapi ada jugak masa-masanya kita naik bosan. Bila naik bosan kita terpaksa berhenti dan kemudiannya kita sambung semula. Itulah cabaran tentang bosan tadilah, kadang-kadang kita bosan boleh menyebabkan karya itu tidak, tidak berjaya ataupun tidak sampai ke hujungnya.

NFH : Maksudnya adalah antara karya yang Encik tulis tapi tak diterbitkan? Sebab..

IR : Mungkin ada tapi saya pun tak buat catitan [catatan], lupa dah saya.

NFH :Masa mula-mula pakcik, eh pakcik.

IR : Takpa-takpa boleh pakcik. Guna Tok Cik pun takpa. (ketawa) Okay okay [baiklah-baiklah]

NFH : (ketawa) Okay [baiklah]. Cara Encik menulis maksudnya dengan pakai tangan ke, pakai mesin taip ke?

NFOS : Komputer?

IR : Zaman saya mula dari tahun 72' tu, 1972 tu, kami menggunakan typewriter sahaja sampailah saya pun tak ingat tahun berapa bermula dengan komputer. Tapi sekarang dengan komputer lah dan banyak tahun dah menggunakan komputer. Sebelum tu memang menggunakan mesin taip atau typewriter.

NFH : **(bunyi kertas diselak dan telefon dialihkan) Kami mendapat maklumat yang Encik pernah mendapat anugerah Penulis Kedah. Boleh tak nyatakan tahun bila Encik mendapat hadiah, anugerah tersebut?**

IR : Anugerah tersebut berada di dinding kita.

NFOS : Oh.. tu [itu].

IR : Saya pernah mendapat anugerah Tokoh Persuratan Melayu negeri Kedah dua kosong lima belas [2015]. Tapi hadiahnya tidak besar cuma 2000.

NFH : **Apakah perasan Encik bila mendapat pengiktirafan tersebut?**

IR : (ketawa) Saya bersyukur kepada Allah kerana saya (berhenti seketika) berasa terharulah kerana saya tidak menganggap saya akan diberi anugerah tersebut.

NFOS : **Jadi adakah Encik Ismail masih menulis sekarang?**

IR : Ya Cik ni - Nur Farhana, saya menulis hingga sekarang tapi tidaklah sehebat dulu sebab saya ni dah lama pencen, orang pencen ni banyak rehatlah. Sikit menulis tapi saya tetap menulis macam puisi dan cerpen.

NFOS : **Jadi agak-agak Encik ada tak [tidak] berniat untuk bersara dari menulis ni?**

IR : [ketawa] Saya kira ini sudah menjadi hobi kepada saya jadi rasa-rasanya saya tidak berniat untuk berhentilah jadi kalau ada peluang saya memang terus menulis.

NFH : Apakah pandangan Encik Ismail terhadap masa depan bidang penulisan di negara kita?

IR : Hebat soalan itu. Sukar saya untuk menjawabnya. (ketawa) Baiklah, saya rasa penulisan ni sebagai satu pekerjaan yang memang berguna kepada manusia seluruhnya kan, jadi saya yakin penulisan ini tidak akan mati ditengah jalan sebab tulisan ini pasti akan berkembang hingga ke akhir zaman.

NFOS : Jadi apa harapan Encik Ismail terhadap bidang penulisan? Harapan.

IR : Maksud Cik Nur apa?

NFOS : Jadi Encik nak bidang penulisan ni [ini] lebih gah di mata -- dapat memberi seb - apa - memberi bantuan kepada Malaysia untuk lebih mengharumkan nama Malaysia, begitu?

IR : Yaaa itu lah jawapan saya (ketawa).

NFH : Kami dapat tahu juga yang Encik Ismail juga memberi ceramah, betul ke? Ataupun berkongsi mak - berkongsi pengalaman ke? - Ke majlis-majlis ke?

IR : Oh itu saya rasa saya tidaklah pernah menjadi penceramah di mana-mana tapi berbincang dengan kawan-kawan mengenai penulisan ni memang selalulah.

NFH : Apa yang sering diperbincangkan?

IR : Oh kami sering berbincang bagaimana nak meninggikan mutu penulisan masing-masing.

NFH : Boleh Encik huraikan lagi macam mana mutu - mutu penulisan tu [itu] boleh ditingkatkan?

IR : Oh jadi apabila kita membincangkan sesuatu perkara dengan kawan-kawan yang sealiran, kita mendapat banyak idea untuk meninggikan lagi taraf atau mutu penulisan kita.

NFOS : Ada tak nasihat yang selalu Encik kongsikan kepada penulis baru atau bakal penulis?

IR : Oh ada juga kadang-kadang ada juga yang datang minta nasihat ataupun pandangan jadi memang saya pernahlah memberikan pendapat atau pandangan atau cadangan kepada penulis-penulis baru kita.

NFOS : Contoh nasihat yang diberikan?

IR : Contohnya saya nasihatkan supaya mereka banyak membaca, dengan sebab banyak membaca itulah satu modal untuk menjadi penulis yang baik.

NFH : (bunyi kenderaan) Ada apa-apa perkara yang Encik ingin kongsikan kepada kami contohnya pengalaman-pengalaman yang menarik yang tak dapat dilupakan sepanjang menjadi penulis ni [ini]?

IR : Saya rasa - saya rasa tidak ada apa-apa pengalaman yang sebab saya sebagai seorang penulis biasa sahaja, jadi saya pun menulis seperti kawan-kawan yang lain jugaklah. Tidak ada saya rasa - tidak ada sesuatu yang boleh saya kongsikan sebagai perkara yang menarik ataupun tidak menarik.

NFOS : Ada lagi tak [tidak] yang Encik Ismail nak tambah, nak bagi maklumat kepada kami?

IR : Saya rasa - saya harapkan Cik Nurain dan Cik Nur Hana ni [ini] bakal jadi penulis untuk menggantikan penulis-penulis yang lama seperti kami ni.

NFOS : In shaa Allah.

NFH : (teragak-agak) Boleh saya tau [tahu] macam mana Encik menggu - mendapat ilham untuk menggunakan nama Ismail Restu?

IR : Di sini adakan? Ada tak [tidak]?

NFH : Ni [ini].. ni [ini] di sini dia - Encik nyatakan nama - Encik turut menggunakan nama samaran lain seperti Esmadi Mas, S. Suradi, Pena Rindu, maksudnya Encik mempelbagaikan nama pena?

IR : Hah ya.

NFOS : Kenapa?

NFH : Kenapa?

NFOS : Ada tak [tidak] sebab-sebab dia kenapa ada banyak nama?

IR : Oh (terhenti seketika disebabkan bunyi telefon rumah), ini juga saya rasa sebagai satu - sebagai satu hal yang diminati oleh para penulis kerana penulis ini selalu menukarkan nama -- nama-nama samaran mereka tapi saya akhirnya kekal dengan nama Ismail Restu. Nama itu saya dapati -- perkataan restu itu saya dapati ketika saya melawat ke Indonesia, saya bertemu dengan sebuah toko buku bernama Restu. Jadi saya tertarik dengan perkataan ini jadi bila pulang ke rumah, saya terus menggunakan nama ini dan nama ini Alhamdulillah kekal sehingga sekarang.

NFOS : Oh begitu.

NFH : Boleh kami tahu perkembangan terbaru Encik?

IR : Perkembangan terbaru..

NFH : Mungkin sedang menulis - menulis skrip baru?

IR : Hah ya ya, seperti saya sebutkan tadi di akhir-akhir ini saya hanya menulis sedikit sedikit sahaja. Maksud saya, saya hanya menulis puisi dan cerpen -- tidak pula ada buku-buku baru yang saya hasilkan.

NFH : Kami rasa setakat ini maklumat - maklumat tu [itu] sudah mencukupi untuk soalan yang kami ada sekarang, mungkin di lain waktu kami akan datang lagi untuk kali kedua untuk menemu ramah.

NFOS : Untuk mendapatkan kepastian apa yang -- sama ada betul tak [tidak] apa yang kami dapat ni [ini].

IR : Bisa [boleh] saja.

NFH : Ataupun mungkin masih ada persoalan yang kami ingin tanyakan.

25 Jun 2018

NFH : Terima kasih kepada Encik Ismail kerana sudi ditemu bual untuk kali yang kedua. Kami akan mulakan dengan soalan yang pertama, boleh Encik ceritakan tentang perso - personaliti Encik, contohnya perwatakan ke?

IR : Bismillahirrahmannirrahim. Baik, mengenai personaliti saya, saya hanya seorang manusia biasa. Saya suka berterus terang dan kadang-kadang saya suka juga bergurau.

NFH : Jadi adakah perwatakan Encik ni [ini] mendorong pada penulisan Encik?

NFOS : Ada membantu sedikit sebanyak pada penulisan -- perwatakan Encik?

IR : Ya, ya, ya, benar perwatakan saya ini kadang-kadang terbawak-bawak [terbawa-bawa] ke dalam cerpen saya, ke dalam novel-novel olahan saya.

NFH : Oh begitu. Boleh ke soalan seterusnya, apakah peristiwa yang paling bermakna pernah berlaku dalam hidup Encik?

IR : Maksud Cik peristiwa yang bagaimana? Peristiwa tentu banyak -- dperistiwa sedih, peristiwa gembira, peristiwa lucu dan sebagainya?

NFOS : Ya, ter - terpulang. Asalkan bermakna pada Encik, tidak hanya berkisar pada penulisan sahaja. Ianya berkisar pada kehidupan Encik sendiri.

IR : Saya kira peristiwa yang -- peristiwa yang saya temui [tidak jelas] memang banyaklah sebab – sebab (suara orang bercakap) jadi -- peristiwa-peristiwa ni memanglah berbagai-bagai peristiwa. Jadi kalau -- kalau saya nak ceritakan memang banyak peristiwa yang saya alami.

Kemudian salah satunya yang masih saya ingat, sewaktu rombongan penulis.. rombongan penulis yang berkunjung ke Kuala Lumpur, kami singgah di sebuah penerbitan. Saya sudah lupa penerbitan tu[itu]. Penerbitan ini menerbitkan majalah -- sebuah majalah. Kemudian apabila kami sampai, pengarang yang kalau saya masih ingat nama.. Aliah, Aliah.. dia menga - dia bercerita apabila dia tau kami ni dari Kedah, dia tahu saya ni Ismail Restu, dia terus bercerita. Sebelum ni kata dia, ada seorang datang ke pejabat kami mengaku dialah Ismail Restu. Kemudian terperanjat. Apa tujuannya dia? Saya tanya. Katanya dia mahu mintak [minta] bekerja di penerbitan ini. Kemudian saya semak.. bila saya semak, saya lihat nombor kad pengenalannya tidak sama - nombor Ismail Restu yang sebelum ni yang menulis - menulis dengan kad yang diberikan kepada kami berlainan. Jadi kami tau dia telah menipu kami kemudian kami pun diaman begitu saja dan kami menolak dia untuk menerima dia sebagai pekerja lah. Jadi sekarang dia kata baru saya percaya ini Ismail Restu yang sebenar sebab IC[nombor kad pengenalan] saya sama dengan IC [nombor kad pengenalan] yang pernah saya tulis dalam surat-surat. Itu satu peristiwa yang tak pernah saya lupakan, dan saya tak pernah menganggap ada orang lain yang ingin mengaku, mahu menipu la kiranya. Itulah satu daripada peristiwa.

NFH : Apa perasaan Encik bila orang tersebut menyamar sebagai Encik?

IR : Oh, saya menganggap itu perkara biasa saja -- itu perkara biasa. Saya tidak menganggap dia itu sebagai seorang yang tidak baik kan. Yalah mungkin dia perlu untuk bekerja, untuk mendapatkan kerja dia terpaksa menipu sedikit aa.

NFOS : (bunyi orang batuk) Sebelum ini, Encik ada maklumkan tentang anugerah yang Encik terima iaitu Anugerah Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah. Boleh Encik ceritakan secara terperinci mengenai anugerah tersebut. Contohnya bila, di mana, daripada siapa?

IR : Anugerah ini sebenarnya diberikan oleh persatu - persatuan penulis yang saya anggotai iaitu Persatuan Penulis ASASI Kedah. Anugerah ini diberi berdasarkan -- berdasarkan hasil penulisan saya selama ini. Saya menulis dalam berbagai-bagai -- lapangan, yaitu [iaitu] termasuk cerpen, puisi, - novel dan cerita-cerita klasik. Jadi setiap tahun ASASI menganugerahkan seorang daripada penulisnya untuk mendapat anugerah ini. Jadi pada tahun dua kosong lima belas, saya dianugerahkan anugerah ini.

NFOS : **Adakah hanya Encik seorang yang menerima anugerah? Atau ada anugerah lain turut diberikan kepada sahabat seperjuangan Encik yang lain?**

IR : Bagai yang saya katakan tadi, setiap tahun dianugerahkan hanya untuk seorang. Jadi saya dianugerahkan pada tahun dua kosong lima belas. Sebelum ini memang sudah ada kawan-kawan saya yang menerima anugerah yang sama.

NFOS : **Adakah Encik ada menyimpan hasrat untuk memenangi anugerah lain di masa hadapan?**

IR : Saya kira saya tidak mengharapkan untuk menerima apa-apa anugerah lagi sebab di hujung-hujung usia saya ini saya rasa saya tidak begitu -- tidak begitu banyak menulis. Saya menulis hanya sedikit-sedikit.

NFOS : **Selain dari bakat menulis, apa lagi bakat yang Encik ada?**

IR : Sekarang saya sudah berada dalam lingkungan, lingkungan orang tua jadi kalau nak saya ceritakan, kalau masa saya muda dahulu tu [itu] hah bolehlah saya sebutkan bahawa saya jugak berbakat dalam permainan badminton. Saya pernah menjadi johan di kawasan saya, dalam lapangan badminton ini. Itu saja yang boleh saya sebutkan.

NFOS : **Kami lupa bertanya dalam temu bual yang lalu. Adakah Encik memiliki aktiviti lain setelah pensen dari bidang perguruan selain menulis.**

- IR : Oh ya saya kira tidak ada dah tidak ada lagi aktiviti-aktiviti lain yang saya lakukan. -- di hujung-hujung usia saya ini, saya kira saya masih banyak berehat daripada bertugas ataupun menumpukan kepada sesuatu tugas.
- NFOS : Jadi tiada aktiviti lain yang Encik lakukan untuk mendapatkan pendapatan sampingan? Selain menulis.
- IR : Oh, ya. Saya kira tidak ada. Saya kira tidak ada.
- NFH : Jadi Encik hanya menumpukan kepada bidang penulisan sepenuh masa la [lah], buat masa sekarang?
- IR : Ya. Benar begitu.**
- NFH : Okay [baiklah] soalan seterusnya, apakah hobi yang sering Encik lakukan ketika waktu lapang?**
- IR : Aktiviti waktu lapang, saya kira membaca dan melihat dan menonton tv lah.
- NFOS : Apa contoh rancangan yang Encik nonton -- menonton di televisyen selalunya?
- IR : Tolong ulangkan soalan?
- NFOS : Contoh Encik tengok drama atau tengok berita -- bila tengok televisyen tu?
- IR : Oh, mengenai rancangan televisyen, saya utamakan rancangan berita dan saya ikuti jugak rancangan-rancangan lain yang, yang mengandungi pengetahuan.
- NFOS : Adakah Encik mempunyai perancangan untuk tahun ini dalam bidang penulisan?**
- IR : Saya kira (ketawa) saya sebenarnya sekarang saya menulis -- menulis pada waktu lapang sahaja. Maksudnya saya tidak menumpukan sesuatu perkara yang khusus.

- NFH : Disebabkan hujan sangat lebat boleh tak kita berhenti seketika?
- IR : Elok kita berhenti, menunggu hujan reda.
- NFOS : **Okey baiklah kita akan sambung temu bual kita. Dalam temu bual pertama, Encik hanya menyatakan beberapa tajuk buku. Bolehkah Encik senaraikan semula nama-nama buku yang Encik tulis dari yang pertama hingga yang terkini?**
- IR : Saya rasa ini mungkin banyak juga, sukar untuk saya nak menyebut semuanya. Jadi cukup rasanya kita sebut buku ini berjumlah tiga puluh empat buah.
- NFH : Antara tajuk tajuk yang kalau Encik ingatlah.
- IR : Yang ingat -- yang ingat banyak juga termasuklah, kalau kita mulakan dengan Antologi Cerpen. Antologi cerpen yang saya ingat satu , 'Erti dari Langit' dan sebuah lagi berjudul antologi tersebut berjudul emm 'Belum Terlewat'. Kemudian mengenai novel kanak-kanak pula, banyak buah juga novel kanak-kanak. Antaranya 'Anak-anak Bertuah', 'Abang yang Penyayang', lagi – Lubuk - lubuk apa tu [itu] ? (berfikir) itulah 'Lubuk Kesayangan' - 'Lubuk kesayangan' dan banyak lagi judul-judul yang lain.
- NFH : **Apakah idealisme yang Encik bawa dalam setiap karya Encik?**
- IR : Tentang idealisme (berfikir) kebanyakan -- kebanyakannya ialah - kita mempengaruhi pembaca supaya berbuat baik dan jangan berbuat jahat.
- NFOS : **Latar buku cerita tulisan Encik selalunya Encik menulis tentang latar yang sama atau berbeza-beza mengikut cerita?**
- IR : Ya latarnya memang berbeza-beza dia ber - berkisar pada sesuatu cerita yang hendak kita ceritakan.
- NFOS : Sebagai contoh latar?
- IR : Apa tu?

- NFOS : Latar, contoh latar yang ada?
- IR : Contoh latar yang ada -- latar! Latar ini aa memang berbagai-bagailah. Ada - ada yang berlatarkan kampung dan ada yang berlatarkan kota.
- NFH : Selalunya Encik menggunakan Kedah sebagai latar utama ataupun ambil lain-lain negeri boleh Encik gunakan?
- IR : Oh, sebenarnya saya menggunakan berbagai-bagai latar negeri yang bukanlah tertumpu pada Kedah sahaja, tempat-tempat lain pun dijadikan latar juga.
- NFOS : Dalam proses penghasilan sesuatu karya, apakah perkara-perkara yang perlu Encik titikberatkan? Contohnya kesahihan fakta, aa.. Encik boleh nyatakan kalau ada aspek lain.**
- IR : Soalan nombor berapa itu?
- NFOS : Tiga belas.
- IR : Tiga belas. Ulangkan ulangkan..
- NFOS : Contoh.. contoh perkara yang Encik titikberatkan bila menghasilkan sesuatu karya tu. Adakah perlu kesahihan fakta atau Encik hanya berdasarkan -- Encik hanya --
- NFH : Berdasarkan idea Encik sendiri?
- NFOS : menggunakan idea Encik sendiri?.
- IR : Sebenarnya di dalam karya-karya saya, terdapat kedua- dua proses -- kedua-dua perkara tersebut. Maksud saya, ada yang berkaitan dengan apa itu, berkenaan dengan perkara benar dan kadang-kadang dan merupakan perkara-perkara rekaan semata.
- NFH : Okey [baiklah] soalan seterusnya, bagaimanakah persediaan atau penyelidikan untuk melaku - untuk perkara tersebut dilakukan?**

IR : Biasanya saya pernah juga membuat penyelidikan dengan – ni [ini] dengan menyoal ataupun menginterview watak-watak yang akan saya hasilkan.

NFH : Maksudnya watak-watak yang Encik tulis tu benar-benar wujudlah?

IR : Hah [ya], maksudnya watak yang saya karang benar-benar wujud tapi kadang-kadang ada juga cerita yang wataknya itu hanya rekaan semata.

NFOS : Bagaimana Encik menjadikan buku yang Encik hasilkan ni sesuai untuk dibaca semua peringkat umur? Adakah satu buku tu hanya boleh dibaca oleh remaja sahaja ataupun Encik -- Encik --

NFH : Secara umum.

NFOS : Atau pun buku itu boleh dibaca oleh semua peringkat umur?

IR : Ya, jadi kalau buku itu di - saya tulis untuk kanak-kanak, saya rasa buku itu sesuai untuk kanak-kanak sahaja membacanya, tapi buku-buku lain, seperti antologi cerpen untuk dewasa, itu memanglah ditujukan untuk semua pembaca. Untuk semua peringkat pembaca.

NFH : Apakah yang Encik terapkan bagi membolehkan karya Encik sesuai untuk dibaca oleh semua orang?

IR : Oh, jadi kalau untuk dibaca oleh semua orang, kita terpaksa menulis hal-hal yang agak - hal-hal yang agak tinggi dan sesuai dengan pemikiran orang kebanyakan.

NFOS : Adakah Encik menjadi ahli pada mana-mana persatuan menulis?

IR : Ya memang saya ahli persatuan penulis ASASI Kedah.

NFOS : Apakah fungsi persatuan tersebut?

IR : Persatuan tersebut -- mengutamakan ahli-ahlinya berkarya. Berkarya dengan pelbagai karya penulisan.

- NFH : Boleh saya tau nama penuh persatuan tersebut?
- IR : ASASI bermaksud - ASASI - saya pun lupa (ketawa) . ASASI Angkatan - Angkatan Penulis Nasional kedah - Angkatan Penulis Nasional Kedah.
- NFH : **Oh begitu. Adakah Encik memegang apa-apa jawatan dalam persatuan tersebut?**
- IR : Pada beberapa tahun yang lalu, saya telah menyertai persatuan tersebut sebagai ahli jawatan - ahli jawatankuasa biasa.
- NFH : **Beralih kepada soalan seterusnya. Bila Encik mengalami *writer block* ataupun kekangan idea, apakah yang Encik lakukan untuk mengatasinya?**
- IR : Untuk mengatasinya, saya mengambil jalan untuk berehat, berehat sekian-sekian waktu kemudian setelah mendapat idea baru saya pun meneruskan penulisan.
- NFOS : **Adakah Encik mempunyai inspirasi bagi menulis sesebuah cerita atau ada tak idola yang Encik jadikan sebagai contoh?**
- IR : Ya, kadang-kadang kita terpengaruh juga dengan penulis-penulis lain yang kita boleh jadikan idola. Bagi saya ramai juga penulis-penulis di Malaysia dan Indonesia sebagai idola saya, termasuklah Syahnan Ahmad, A. Samad Said di Malaysia. Di Indonesia termasuklah Amir Hamzah, siapa lagi? Mutu Wijaya dan ramai lagi penulis Indonesia yang mempengaruhi saya.
- NFH : **Dari segi apakah mereka mempengaruhi Encik Ismail?**
- IR : Dari segi cara mereka menulis, kadang-kadang idea-idea bernas dari mereka kita boleh menimbulkan idea kepada kita pula.
- NFOS : **Apa yang menaikkan semangat Encik untuk terus menulis. Contohnya, keluarga Encik memberi semangat ataupun ada perkara lain yang memberi semangat kepada Encik?**

IR : Selalunya melalui bacaan, melalui tontonan, melalui cerita-cerita dari kawan-kawan. Ini semua menaikkan semangat saya untuk terus menulis.

NFOS : **Apakah perasaan Encik sewaktu pertama kali buku Encik diterbitkan?**

IR : Oh saya berasa amat gembira dan saya bersyukur kepada Allah.

NFOS : **Seperti yang kami tahu, Encik pernah menerbitkan buku di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka dan DBP merupakan penerbit yang berkaliber. Jadi apakah perasaan Encik bekerjasama dengan mereka?**

IR : Oh saya rasa saya bertuah kerana banyak juga buku saya yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu sebuah penerbitan yang memang berkaliber.

NFH : Adakah Encik berpuas hati dengan hasil karya Encik yang diterbitkan oleh DBP - DBP?

IR : Setakat ini, boleh saya katakan saya berpuas hati dengan penerbitan DBP.

NFH : **Boleh saya tahu bagaimana mula-mula Encik boleh bekerjasama dengan mereka? Adakah Encik yang menghantar karya Encik ataupun mereka yang melamar Encik untuk menerbitkan buku Encik?**

IR : Saya seperti penulis lain juga. Biasanya penulis-penulis terpaksa menghantar karya-karyanya kepada penerbit. Jadi saya demikian juga. Saya lah yang mula menghubungi DBP dan Alhamdulillah hah karya saya itu diterima.

NFH : **Boleh saya tahu berapa buah karya yang diterbitkan oleh DBP?**

IR : Saya rasa --

NFOS : Mungkin lebih dari sepuluh atau dua puluh?

- IR : Saya rasa mungkin lebih dari sepuluh. Lebih dari sepuluh buah.
- NFOS : **Sebagai penulis, semestinya Encik mempunyai minat mendalam dalam membaca. Jadi buku yang seperti manakah yang menjadi pilihan utama Encik apabila membaca? Boleh berikan beberapa contoh?**
- IR : Ini soalan yang berat rasanya. Saya sebenarnya, saya suka membaca semua topik. Ertinya semua buku menjadi pilihan untuk saya baca. Tapi akhir-akhir ini sebenarnya saya lebih gemar membaca buku-buku berunsur agama.
- NFOS : **Boleh Encik sebutkan judul buku tersebut?**
- IR : Oh buku-buku agama sebenarnya saya masih - masih mengikuti kuliah-kuliah yang diadakan oleh ustad-ustad. Jadi buku-bukunya itu tentulah kitab-kitab yang berkaitan dengan agama.
- NFOH : **Pada temu bual terdahulu, Encik menyatakan kepada kami bagi penulis baru mereka hendaklah banyakkkan membaca buku seperti sebelum menulis. Selain itu, boleh tak Encik kongsi tips lain selain membaca agar penulis muda tersebut mampu menghasilkan karya yang bermutu.**
- IR : Selain dari membaca, saya kira Cik - saya kira calon-calon penulis mesti cuba menulis, cuba menulis lapangan yang mereka gemari. Misalnya memulakan dengan menulis puisi atau dengan menulis cerpen kemudian barulah menulis novel.
- NFH : Selain itu? Ada apa-apa lagi nasihat yang boleh Encik berikan kepada mereka?
- IR : Saya rasa kalau Cik benar-benar ingin menjadi penulis, usahlah berlengah, cuba dan cuba dan In Shaa Allah Cik akan Berjaya.
- NFOS : **Baiklah kita beralih kepada soalan yang seterusnya. Pernahkah Encik sendiri menyertai bengkel atau kursus penulisan untuk meningkatkan prestasi penulisan Encik Ismail?**

IR : Ya sebenarnya pada kali pertama, permulaan saya menjadi penulis, saya banyak mengikuti bengkel-bengkel penulisan yang diadakan oleh persatuan penulis dan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

NFH : **Bagaimana bengkel tersebut boleh meningkatkan mutu penulisan Encik?**

IR : Baik. Kiranya bengkel itu diadakan oleh orang-orang yang sudah Berjaya dalam bidang penulisan, jadi mereka boleh mempengaruhi penulis-penulis baru ini untuk menulis. Jadi Alhamdulillah, jika kita ikutkan apa yang disaran mereka, in shaa Allah kita boleh menjadi penulis yang berjaya.

NFOS : **Pernahkah Encik Ismail terlintas untuk mengadakan bengkel penulisan kepada penulis baru bagi berkongsi ilmu-ilmu penulisan yang Encik ada kepada mereka?**

IR : Saya rasa sekarang ni [ini] (ketawa), saya sudah apa nih [ini], sekarang mungkin saya sudah tidak begitu bertenaga atau begitu berhasrat untuk menjadi –membuat apa itu? Pembengkel. Jadi Cik ini -- para calon yang ingin menjadi penulis jangan bimbang sebab ada lagi banyak orang-orang lain yang boleh - yang jadi err apa tu? Pembuat ataupun pembengkel.

NFH : **Oh begitu, sebagai penutup temu bual boleh saya tahu apakah prinsip atau matlamat yang selama ini Encik pegang dalam hidup Encik?**

IR : Jadi saya, saya rasa penulisan ini boleh mempengaruhi pembaca dan biasanya ia, dalam apa bidang penulisan pun, pengarangnya berhasrat untuk membimbing manusia ke jalan yang benar dan mencegah dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

NFOS : **Baiklah. Semasa kami dalam perjalanan ke rumah Encik pada tempoh hari, kami ada melihat sebuah taman yang bernama Taman Restu. Adakah taman tersebut diambil sempena daripada nama Encik sendiri?**

IR : Ya, sebenarnya begitu. Di kampung ini, kami pernah masuk peraduan kampung cantik. Jadi untuk mencantikkan kampung ini, kawan-kawan saya mencadangkan supaya taman itu dinamakan Taman Restu sebab tapak tanah itu sebenarnya kepunyaan saya. Jadi saya pun bersetuju taman itu dinamakan Taman Restu sempena nama saya.

NFH : **Oh begitu. Tamatlah sudah temu bual kami pada hari ini. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik kerana sudi ditemu bual dan sudi berkongsi pengalaman hidup Encik kepada kami. Sebagai penutup ada apa-apa yang Encik ingin katakan?**

IR : Ya, saya pun mengucapkan terima kasih kerana Cik aa cik berdua ni sudi datang ke rumah saya dan sudi menemu ramah saya dan saya berharap Cik berdua ni akan jadi dua orang penulis yang berbakat -- dan dua orang penulis yang berjaya pada suatu masa nanti. In shaa Allah.

NFH : Ok , terima kasih Encik.

NFOS : Terima kasih.

IR : Ya sama-sama.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang penulisan bersama Ismail Restu. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang penulisan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

LOG TEMU BUAL

Temu bual 31 Mei 2018

MASA	PERKARA	CATATAN
'TEMU BUAL PERTAMA (BAHAGIAN PERTAMA)'		
00:00:00 – 00:02:46	Orientation question	<p>Latar belakang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama sebenar: Ismail bin Ahmad • Nama pena: Ismail Restu • Dilahirkan di Kampung Bujang, Bedong Kedah • Tarikh lahir: 11 Mei 1940 • Nama Ayah: Ahmad bin Abdul Hamid • Nama Ibu: Che Bashah binti Puidih • Anak ketiga • Jumlah adik beradik: Lima orang • Mendapat pendidikan di sekolah rendah dan menengah • Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) <p>Tentang keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama Isteri: Hajah Kamariah • Cahaya mata: Lima orang (Seorang lelaki dan empat orang perempuan)
00:02:48 – 00:03:46	Orientation question	<p>Pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjadi guru pelatih pada tahun 1956 ketika berusia 16 tahun.

		<ul style="list-style-type: none"> • Bertugas menjadi guru dari tahun 1956 hingga 1995. • Bertugas sebagai guru selama 39 tahun.
00:03:51 – 00:04:50	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah bagaimana beliau boleh menjadi seorang penulis. • Kebetulan sahaja menjadi penulis apabila diminta menulis sebuah rencana mengenai pertandingan layang-layang di kampung Singkir. • Mengirimkan rencana tersebut ke akhbar Utusan Melayu. • Sejak rencana itu diterbitkan, beliau mula menjadi penulis.
00:04:52 – 00:05:09	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Karya pertama Ismail Restu. • Sebuah rencana yang berjudul Pertandingan Layang-Layang di Kampung Singkir Kedah.
00:05:39 – 00:07:12	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Karya-karya lain Ismail Restu dalam dunia penulisan seperti puisi, cepen dan novel. • Tema penulisan beliau pelbagai dan bermacam-macam tema. • Berkenaan dengan pendidikan anak-anak, nasihat berkenaan dengan contoh-contoh untuk menjadi seorang insan yang baik. • Menghasilkan 34 buah buku. • kebanyakan buku kanak-kanak.
00:07:17 – 00:08:47	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Karya yang amat bermakna kepada Ismail Restu. • Novel kanak-kanak yang berjudul

		<p>“Anak-anak Bertuah”.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buku yang bertemakan buku keagamaan. • Kisah dua orang anak yang turut mengerjakan fardhu haji di Mekah.
00:08:52 – 00:09:26	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Penerbit yang bekerjasama dengan Ismail Restu untuk menerbitkan karya beliau. • Kebanyakannya karyanya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. • Selain itu, Utusan Publication, PTS, PK Publishing, SASBADI, Cerdik Publication, JAKIM dan lain-lain penerbit.
00:09:29 – 00:09:55	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Buku yang paling memberi kesan kepada Ismail Restu adalah “Anak-anak Bertuah” • Buku ini telah memenangi hadiah sastera Malaysia tahun 1996-1997 dalam kategori novel kanak-kanak.
00:09:56 – 00:10:28	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh yang diambil oleh Ismail Restu untuk menulis sebuah karya. • Dua atau tiga bulan bergantung pada ketebalan buku tersebut.
00:10:34 – 00:11:35	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran yang beliau hadapi semasa menulis. • Apabila beliau menghadapi rasa bosan ketika menulis. • Boleh menyebabkan karya itu tidak berhasil untuk diterbitkan.

'TEMU BUAL PERTAMA (BAHAGIAN KEDUA)'		
00:00:00 – 00:00:40	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah atau alat yang Ismail Restu gunakan untuk menghasilkan penulisan beliau. • Menggunakan typewriter pada tahun 1972. • Kemudian beralih kepada Komputer sehingga sekarang.
00:00:51 – 00:01:47	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah tentang Anugerah Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah 2015. • Beliau bersyukur kepada Allah dan terharu. • Beliau tidak menyangka akan diberi anugerah tersebut.
00:02:36 – 00:03:47	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Pandangan beliau terhadap masa depan bidang penulisan di negara Malaysia. • Beliau merasa penulisan ini sebagai satu pekerjaan yang berguna kepada semua manusia. • Maka beliau yakin bahawa penulisan ini tidak akan mati ditengah jalan • Ia pasti akan berkembang hingga ke akhir zaman. • Harapan beliau agar bidang penulisan dapat memberi bantuan kepada Malaysia untuk lebih mengharumkan nama Malaysia.
00:05:01 – 00:05:41	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Nasihat dan pandangan Ismail Restu kepada para penulis baru. • Mereka perlu banyak membaca. • Dengan banyak membaca itulah satu modal untuk menjadi penulis yang baik.

00:07:12 – 00:08:51	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah bagaimana beliau mendapat ilham untuk menggunakan nama pena Ismail Restu. • Nama itu beliau dapat daripada perkataan restu. • Beliau mendapat perkataan itu ketika melawat ke Indonesia. • Beliau bertemu dengan sebuah toko buku bernama Restu. • Beliau tertarik dengan perkataan tersebut. • Menggunakannya setelah pulang ke tanah air.
00:08:53 – 00:09:20	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan terbaru Ismail Restu dalam bidang penulisan. • Beliau hanya menulis puisi dan cerpen. • Tidak ada buku-buku baru yang beliau hasilkan.

Temu bual 25 Jun 2018

MASA	PERKARA	CATATAN
'TEMU BUAL KEDUA (BAHAGIAN PERTAMA)'		
00:00:05 – 00:01:13	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan tentang personaliti dan perwatakan Ismail Restu • Seorang yang berterus terang • Suka bergurau
00:01:16 – 00:05:17	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah tentang peristiwa bermakna kepada Ismail Restu. • Mengenai seorang individu yang

		<p>menyamar dan menggunakan nama penanya untuk mendapatkan pekerjaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perasaan serta pendapat beliau terhadap peristiwa tersebut dari sudut positif.
00:05:22 – 00:07:37	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah tentang Anugerah Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah 2015 yang diterima oleh Ismail Restu secara lebih terperinci. • Anugerah tersebut diberikan berdasarkan hasil penulisan beliau selama ini.
00:08:10 – 00:10:00	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Bakat lain selain dari menulis yang ada pada Ismail Restu. • Berbakat dalam permainan badminton. • Beliau menjadi johan di kawasannya dalam lapangan badminton ini. • Tidak ada aktiviti yang beliau lakukan selain menulis setelah bersara.
00:10:06 – 00:11:05	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Hobi atau aktiviti yang dilakukan Ismail Restu di waktu lapang. • Membaca. • Menonton televisyen. • Beliau menonton rancangan berita dan rancangan berilmiah
<i>'TEMU BUAL KEDUA (BAHAGIAN KEDUA)'</i>		
00:00:01 – 00:01:56	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Antara buku dan karya yang ditulis Ismail Restu • Erti Dari Langit • Belum Terlewat • Anak-anak Bertuah • Abang Yang Penyayang

		<ul style="list-style-type: none"> • Lubuk Kesayangan
00:01:59 – 00:03:59	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Idealisme yang dibawa oleh Ismail Restu dalam karya-karya beliau. • Mempengaruhi pembaca supaya berbuat baik dan jangan berbuat jahat. • Latar-latar yang digunakan dalam karyanya. • Latar kampung dan latar kota. • Menggunakan berbagai-bagai latar negeri dan tempat lain.
00:04:03 – 00:06:32	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Fakta atau perkara lain yang beliau titikberatkan dalam penulisannya • Fakta atau rekaan semata-mata. • Beliau membuat persediaan atau penyelidikan untuk menghasilkannya. • Menemu bual watak-watak yang akan dihasilkan
00:07:30 – 00:08:06	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Perkara yang diterapkan Ismail Restu bagi membolehkan karyanya sesuai untuk dibaca oleh semua orang. • Untuk dibaca oleh semua orang, beliau menulis hal agak tinggi. • Sesuai dengan pemikiran orang kebanyakan.
00:08:10 – 00:09:24	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenai penglibatan beliau dalam persatuan-persatuan bagi penulis. • Menjadi ahli kepada persatuan penulis ASASI Kedah. • Sebagai ahli jawatankuasa biasa.

00:09:27 – 00:10:09	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Cara beliau mengatasi masalah kekangan idea semasa menulis. • Beliau mengambil keputusan untuk berehat. • Setelah mendapat idea barulah beliau meneruskan penulisan
00:10:12 – 00:11:21	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Inspirasi atau idola beliau dalam bidang penulisan. • Syahnun Ahmad dan A. Samad Said dari Malaysia • Amir Hamzah dan Mutu Wijaya dari Indonesia
00:11:43 – 00:12:21	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Perkara yang menaikkan semangat Ismail Restu untuk terus menulis. • Melalui bacaan. • Melalui tontonan. • Melalui cerita-cerita dari kawan-kawan.
00:12:25 – 00:13:29	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Perasaan Ismail Restu ketika karya beliau dihasilkan. • Perasaan beliau bekerjasama dengan banyak penerbit. • Berasa amat gembira dan beliau bersyukur kepada Allah. • Beliau berasa bertuah kerana banyak bukunya yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
00:14:09 – 00:14:31	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan karya beliau yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. • Lebih dari sepuluh buah.
00:14:37 – 00:15:44	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis buku yang menjadi pilihan oleh Ismail Restu untuk dibaca.

		<ul style="list-style-type: none"> • Beliau gemar membaca buku-buku berunsur agama.
00:15:50 – 00:17:13	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Tips selain membaca kepada calon-calon penulis. • Calon-calon penulis mesti cuba menulis cerita yang mereka gemari. • Tidak harus berlengah • Sentiasa mencuba sehingga berjaya.
00:17:15 – 00:18:19	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan beliau dalam bengkel-bengkel penulisan. • Beliau banyak mengikuti bengkel-bengkel penulisan yang diadakan oleh persatuan penulis dan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. • Dapatan beliau daripada bengkel tersebut. • Mengikuti segala saranan daripada individu-individu yang berpengalaman tersebut.
00:19:25 – 00:03:59	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip atau matlamat hidup yang dipegang oleh Ismail Restu. • Mempengaruhi pembaca dan berhasrat untuk membimbing manusia ke jalan yang benar. • Mencegah dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.
00:20:15 – 00:21:06	Specific question	<ul style="list-style-type: none"> • Kisah tentang Taman Restu di Kampung Bujang. • Diambil bersempena nama Ismail Restu. • Taman tersebut milik Ismail Restu.

		<ul style="list-style-type: none">• Taman tersebut dibina sempena usaha para penduduk Kampung Bujang untuk menyertai peraduan kampung cantik.
--	--	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

RALAT

RALAT

Sesi temubual bersama tokoh kajian kami iaitu Ismail Restu yang telah dijalankan pada 31 Mei 2018 dan 25 Jun 2016 di kediamannya yang terletak di Kampung Bujang, Bedong Kedah turut mengandungi gangguan dan telah terakam di dalam perakam suara kami. Gangguan tersebut dianggap sebagai ralat dan berikut merupakan ralat yang didapati

- Bunyi kenderaan
- Bunyi kertas diselak
- Bunyi telefon
- Bunyi orang berbual
- Bunyi hujan

GLOSARI

GLOSARI

Glosari	
Antologi cerpen	Kumpulan cerita yang dihasilkan oleh pengarang yang berlainan. Mengantologikan, mengumpulkan atau menyusun karya seperti cerpen untuk dijadikan sebagai antologi.
Buku kanak-kanak	Buku berkualiti yang terdapat dipasaran yang ditujukan kepada kanak-kanak daripada usia sejak lahir sehingga dewasa.
Cerpen	Cerita pendek atau sebuah karangan berbentuk prosa yang singkat dan ceritanya berpusat pada suatu peristiwa pokok.
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka. Badan berkanun yang mempunyai tugas dan tanggungjawab membina, memajukan dan memperkembang bahasa Kebangsaan dan sastera serta melaksanakan tugas-tugas lain.
Idealisme	Sifat, sikap atau perbuatan melihat atau mencita-citakan sesuatu dalam bentuk yang ideal dan sebagainya.
Idola	Orang yang sangat diminati, dikagumi dan sebagainya. Misalnya tokoh politik, penyanyi, bintang filem dan sebagainya.
Ilham	Sesuatu yang menggerakkan hati atau menimbulkan daya cipta dan sebagainya untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu.
Inspirasi	Sesuatu yang menggerakkan hati untuk mencipta sesuatu

	hasil seni dan lain-lain.
Karya	Hasil kesenian dan lain-lain, berkarya menghasilkan karya seperti tulisan, ciptaan, gubahan dan sebagainya.
Lapangan	Jurusan atau bidang. Sesuatu pelajaran, pekerjaan dan lain-lain.
Latar	Keterangan mengenai waktu, ruang, lokasi, watak atau suasana berlakunya sesuatu peristiwa dalam karya.
Manuskrip	Naskah, buku dan lain yang mula dibuat sebelum dicetak dalam bentuk bertulis tangan atau bertaip.
Nama pena	Nama yang digunakan oleh penulis pada karya-karyanya yang bukan namanya yang sebenar.
Nama samaran	Nama digunakan untuk menyembunyikan nama sebenar.
Novel	Cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial.
Penerbitan	Cara atau hal menerbitkan. Pekerjaan atau urusan menerbitkan buku, majalah dan lain-lain.
Penulis	Orang yang menulis atau pengarang sesuatu hasil sastera
Personaliti	Sifat dan sikap seseorang yang membentuk perwatakannya atau keperibadian.
Persuratan	Hal-hal bersurat atau hasil daripada menulis.
Perwatakan	Perihal watak seseorang atau watak dalam sesuatu cerita.
Puisi	Karangan yang berbentuksajak, syair, pantun dan lain-lain.
Sastera	Kesusasteraan hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk

	karangan bebas atau dalam bentuk puisi. Bahasa yang digunakan dalam tulisan atau bahasa surat.
Skrip	Cerita yang bertulis atau filem skrip yang disediakan untuk sesebuah filem termasuk arahankerja kamera, lakon layar, penskripan proses penulisan skrip.
Tokoh	Orang kenamaan, orang terkemuka, orang terkenal, pakar atau ahli.

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Melalui proses transkrip ini, telah direkod pelbagai pengalaman yang telah dilalui oleh Tokoh penulis negeri Kedah yang bernama Ismail Restu di dalam bidang yang diceburi beliau iaitu bidang penulisan. Antara pengalaman beliau adalah di mana ketika beliau mendapat pengalaman pertamanya untuk menulis sebuah rencana dan seterusnya rencana itu berpeluang untuk diterbitkan oleh sebuah akhbar. Beliau turut memperoleh pengalaman melalui sebuah lawatan ke negara jiran iaitu Indonesia dan di situlah beliau memperoleh inspirasi untuk menggunakan nama Restu di dalam nama penanya yang akhirnya kekal sehingga ke hari ini. Di samping itu juga, beliau turut mengalami peristiwa yang sukar dilupakan di mana terdapat seorang individu yang menyamar dan menggunakan nama penanya untuk melamar kerja di sebuah syarikat penerbitan majalah. Melalui semua pengalaman inilah yang menjadikan beliau semakin dikenali ramai dan melalui usaha gigih beliau sendiri dalam bidang penulisan, beliau berhasil memperoleh banyak penghargaan.

Sebagai kesimpulannya, melalui kajian dan tugas yang diberikan ini, ia dapat memberi sedikit sebanyak ilmu pengetahuan serta pengalaman kepada pelajar melalui pelbagai aspek seperti pengalaman menemu bual tokoh yang berpengaruh dan pengalaman lain seperti penyediaan transkrip untuk direkodkan. Maka dengan terciptanya transkrip daripada sesi menemu bual tokoh penulis ini, diharap ia dapat memberi sumbangan dan nilai kepada individu-individu lain dalam pelbagai sudut dan sebagai contoh individu tersebut dapat menggunakan rekod ini sebagai sumber rujukan mereka.

INDEKS

INDEKS

A

Ismail Restu, 2,4,10, 12 – 14, 16, 18, 19 – 22, 24, 32, 34, 47-55, 58, 65

Alat menulis, 18, 50,

Angkatan Sasterawan Nasional Kedah, 3, 20, 35, 40, 53

Anugerah, 20, 29, 35, 50, 52

B

Bengkel, 20, 43, 55,

Buku Anak-Anak Bertuah, 20,27,37

C

Cabaran menulis, 21, 28, 49

Cerpen, 12, 19, 20, 22, 29, 32, 33, 35, 37, 39, 43, 51, 60

D

Dewan Bahasa dan Pustaka, 3, 19, 20, 27, 41, 49, 54, 55, 60

H

Harapan Ismail Restu terhadap bidang penulisan,30, 50

Hobi, 18, 30, 36, 52

I

Idola, 20, 40, 54, 60

Ismail Ahmad, 10, 12, 18, 24, 47,

K

Karya Ismail Restu, 12, 15, 18, 19, 20, 21, 26, 27, 28, 37, 38, 39, 40, 41, 42,48, 49,52,53, 54, 60,61

Karya Pertama, 26, 48

L

Latar, 19, 38, 53, 61

Latar belakang, 14, 18, 24,25, 47

M

Maklumat hidup, 55,

Malaysia, 20, 30, 40, 41, 50, 54

N

Nama pena, 10, 19, 24, 32, 47, 51, 52, 61, 65

Nasihat Ismail Restu, 19, 21, 26, 31, 43, 48, 50

Novel, 12, 19, 20, 22,26, 27, 28, 33, 35, 37, 43, 48, 48, 61

Novel Kanak-Kanak, 27, 28, 37, 48, 49

P

Pekerjaan Ismail Restu, 25, 36, 47, 48

Penerbit buku, 19, 26, 27, 41, 49

Pengalaman hidup, 12, 13, 16, 24, 44

Personaliti, 18, 33, 51, 61

Perwatakan, 33, 51, 61

S

Senarai buku ditulis, 37

T

Tema, 16, 19, 20, 26, 27, 48, 49

Tokoh penulis, 15, 65

Tokoh Persuratan Melayu Negeri Kedah, 20, 24, 29, 35, 50, 52

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

Ismail bin Ahmad, (Interview, May 31, 2018)


Ismail bin Ahmad, (Interview, June 25, 2018)

Library Net. (2018). *Online Public Access Catalogue*. Retrieved from http://www.librarynet.com.my/pls/angkasa/opac3_list.hit_list?pc_authnum=32746&pc_author=Ismail Restu&pc_product=OPAC&pc_location=

Utusan Online. (2008). UiTM terbit karya penulis utara. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0731&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI TOKOH



NAMA	Ismail Bin Ahmad
NAMA PENA	Ismail Restu
TARIKH LAHIR	11 Mei 1940
TEMPAT LAHIR	Kampung Bujang, Bedong Kedah
ALAMAT	Kampung Bujang, Bedong Kedah
NOMBOR TELEFON	019-4002981
EMEL	Adikkesuma40@yahoo.com
PEKERJAAN	Pesara Guru & Penulis

SENARAI SOALAN

Soal Temubual Pertama

1. Boleh Encik Ismail perkenalkan diri Encik?
2. Bolehkah ceritakan sikit tentang latar belakang pendidikan Encik Ismail?
3. Boleh ceritakan tentang keluarga Encik? Seperti nama isteri dan berapa orang anak.
4. Seperti yang kami maklum, sebelum menjadi seorang penulis Encik merupakan seorang guru. Boleh ceritakan kepada kami pengalaman Encik bekerja sebagai guru?
5. Boleh ceritakan kepada kami bagaimana Encik boleh berkecimpung dalam bidang penulisan?
6. Apakah karya pertama yang Encik hasilkan?
7. Apakah yang menyebabkan Encik mengambil keputusan untuk menghantar karya Encik untuk diterbitkan?
8. Apakah karya-karya yang Encik Ismail hasilkan? Apakah genre ataupun tema penulisan Encik Ismail?
9. Di antara karya-karya yang Encik hasilkan, yang manakah yang paling Encik suka, gemar atau memberi kesan kepada Encik sendiri? Kenapa?
10. Bagaimanakah Encik mendapatkan ilham untuk menulis?
11. Semasa menulis, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Encik Ismail?
12. Kami dimaklumkan, Encik pernah mendapat Anugerah Tokoh Penulis Kedah. Boleh ceritakan kepada kami bilakah dan di mana Encik menerima anugerah tersebut?
13. Apakah perasaan Encik bila mendapat pengiktirafan tersebut?
14. Adakah Encik Ismail masih menulis?
15. Adakah Encik Ismail berniat untuk bersara dalam bidang penulisan ini?
16. Apakah pandangan Encik Ismail terhadap masa depan bidang penulisan di negara kita?
17. Apakah harapan Encik Ismail terhadap bidang penulisan?
18. Kami mendapat maklumat bahawa Encik Ismail juga aktif sebagai penceramah, betul kah?

19. Apakah nasihat yang selalu Encik kongsi kepada penulis baru atau bakal penulis?
20. Ada apa-apa perkara yang Encik ingin kongsi kepada kami? Sebagai contoh pengalaman-pengalaman yang menarik atau sukar dilupakan?

Soalan Temubual Kedua

1. Boleh ceritakan tentang personaliti Encik?
2. Peristiwa paling bermakna dalam hidup Encik?
3. Kami ada terlihat taman yang bernama Taman Restu dalam perjalanan ke rumah Encik tadi. Adakah taman tersebut bersempena nama Encik?
4. Sebelum ini, Encik ada maklumkan tentang anugerah yang Encik terima iaitu anugerah Tokoh Persuratan Melayu negeri Kedah. Boleh Encik ceritakan secara terperinci mengenai anugerah tersebut; -bila? -di mana?-daripada siapa?
5. Adakah hanya Encik seorang yang menerima anugerah? Atau Encik menghadiri majlis tersebut bersama sahabat seperjuangan Encik yang lain?
6. Adakah Encik ada menyimpan hasrat untuk memenangi anugerah lain di masa hadapan?
7. Selain bakat menulis, apa lagi bakat yang Encik ada?
8. Kami lupa bertanya dalam temu ramah yang lalu, adakah Encik memiliki aktiviti lain setelah pencajaan dari bidang perguruan, selain menulis. Adakah aktiviti lain yang Encik lakukan untuk menjana pendapatan sampingan? Adakah aktiviti sampingan tersebut mengganggu penulisan Encik dari segi mendapatkan ilham dan sebagainya?
9. Apakah hobi yang sering Encik lakukan ketika waktu lapang?
10. Apa perancangan Encik Ismail untuk tahun ini dalam bidang penulisan?

11. Dalam temubual pertama, Encik hanya nyatakan beberapa tajuk buku. Bolehkah Encik senaraikan semula nama-nama buku yang Encik tulis dari yang pertama hingga yang terkini?
12. Apakah idealisme yang Encik bawa dalam setiap karya encik?
13. Latar cerita buku tulisan Encik? Selalunya Encik menulis tentang latar yang sama atau berbeza-beza mengikut cerita?
14. Dalam proses penghasilan sesuatu karya, apakah perkara-perkara yang perlu Encik titikberatkan? Contohnya kesahihan fakta? (Sila nyatakan jika terdapat aspek lain)
15. Bagaimanakah persediaan atau penyelidikan untuk perkara tersebut dilakukan?
16. Bagaimana Encik menjadikan buku yang Encik hasilkan ini sesuai dibaca untuk semua peringkat umur?
17. Adakah Encik menjadi ahli pada mana-mana persatuan menulis? Apakah fungsi persatuan tersebut? Adakah Encik memegang apa-apa jawatan dalam persatuan tersebut?
18. Bila Encik mengalami 'writer block' ataupun kekangan idea, apa yang Encik lakukan untuk mengatasinya?
19. Siapa yang menjadi inspirasi kepada Encik dalam menulis sesebuah cerita itu? Atau idola yang encik jadikan sebagai contoh?
20. Apa yang menaikkan semangat Encik untuk terus menulis?
21. Apakah perasaan Encik sewaktu pertama kali buku encik diterbitkan?
22. Seperti yang kami tahu, Encik pernah menerbitkan buku di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka. Dan DBP merupakan penerbit yang berkaliber, jadi apa perasaan Encik berkerjasama dengan mereka?

23. Adakah Encik berpuas hati dengan hasil karya encik yang diterbitkan oleh DBP?
24. Sebagai penulis, semestinya Encik mempunyai minat mendalam dalam membaca. Jadi buku yang seperti manakah menjadi pilihan utama Encik apabila membaca? Boleh berikan beberapa contoh?
25. Pada temu bual terdahulu, encik menyatakan kepada kami bagi penulis baru; mereka hendaklah memperbanyakkan membaca buku sebelum menulis. Selain itu, boleh tak Encik kongsi tips yang lain selain membaca agar penulis muda tersebut mampu menghasilkan karya yang bermutu. (Boleh nyatakan beberapa)
26. Pernahkan Encik Ismail terlintas untuk mengadakan bengkel penulisan kepada penulis baru bagi berkongsi ilmu ilmu penulisan yang encik ada kepada mereka?
27. Pernahkah Encik sendiri menyertai bengkel atau kursus penulisan untuk meningkatkan prestasi penulisan Encik Ismail?
28. Sebagai penutup temubual, apakah prinsip atau maklumat yang selama ini Encik pegang dalam hidup.

DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	LOKASI	TINDAKAN
Minggu 1	Kelas MK5	<ul style="list-style-type: none"> • Memulakan kelas Dokumentasi Sejarah Lisan. • Mempelajari pengenalan kepada sejarah lisan • Kami diberi penerangan secara am tentang apa itu sejarah lisan
Minggu 2	Kelas MK5	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah diberi penerangan tentang tugas sejarah lisan oleh Dr Azree Ahmad. • Kami diminta untuk mencari sekurang-kurangnya tiga calon tokoh untuk ditemu bual. • Membuat pemilihan rakan untuk membuat tugas ini.
Minggu 3	Perpustakaan Sultan Badlishah	<ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan nama tokoh yang berpotensi untuk ditemu bual. • Membuat kajian tentang ketiga-tiga tokoh untuk mengetahui latar belakang tokoh dan sumbangan mereka melalui internet.
Minggu 4	Kelas MK5	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat konsultasi bersama Dr Azree untuk membincangkan tentang ketiga-tiga tokoh. • Menyenaraikan segala maklumat berkaitan tokoh tersebut berserta maklumat untuk berhubung seperti nombor telefon, email dan sebagainya.

		<ul style="list-style-type: none"> • Membuat pilihan diantara tiga tokoh yang disenarai.
Minggu 5	Kelas MK 5	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menambah maklumat untuk diberi kepada pelajar berdasarkan nota • Memberi soalan kepada pensyarah mengenai topik yang kurang difahami
Minggu 6	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Menyambung proses mencari maklumat secara lebih terperinci • Bertanya kepada kenalan mengenai orang yang ingin ditemu bual tersebut bagi mengumpul maklumat mengenai beliau
Minggu 7	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih untuk menjadikan Ismail Restu sebagai tokoh yang akan ditemubual. • Menghubungi Ismail Restu untuk menanyakan kesudian beliau untuk ditemubual. • Beliau menyatakan kesudian.
Minggu 8	Bilik Pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat biodata tentang Ismail Restu untuk ditunjukkan kepada Dr Azree. • Membuat konsultasi bersama Dr Azree untuk membincangkan kesesuaian untuk menjadikan Ismail Restu sebagai tokoh temubual sejarah lisan. • Berjumpa Dr Azree untuk mendapatkan pengesahan bagi


		Surat Kebenaran Polis Bantuan.
Minggu 9	Kelas MK5	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menambah maklumat tentang perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar sebelum, semasa dan selepas proses temu duga dijalankan • Mengambil catatan berdasarkan penjelasan daripada pensyarah tersebut
Minggu 10	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan maklumat berdasarkan keperluan yang diminta pensyarah seperti Nama tokoh yang dipilih untuk diwawancara berserta maklumat ringkas mengenai beliau • Senarai maklumat tersebut kemudiannya dihantar ke i-Learn bagi makluman dan rujukan kepada pensyarah
Minggu 11	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi Ismail Restu untuk menetapkan tarikh temubual pertama. • Mereka soalan untuk temubual berdasarkan objektif temubual bersama tokoh.
Minggu 12	Kampung Bujang, Bedong Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat temubual pertama bersama Ismail Restu di rumahnya yang terletak di Kampung Bujang. • Membuat transkrip bagi temubual pertama.

Minggu 13	Kelas MK5	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat konsultasi bersama pensyarah di dalam kelas • Memberikan penerangan mengenai temu bual yang lepas kepada pensyarah • Meminta pendapat kepada pensyarah tentang bagaimana untuk memberikan soalan yang sesuai kepada orang yang ditemu bual
Minggu 14	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi Ismail Restu untuk menetapkan tarikh temubual kedua. • Menyiapkan transkrip pertama • Menggunakan transkrip pertama tersebut sebagai rujukan untuk membuat soalan baru untuk temu bual yang kedua
Minggu Cuti Peperiksaan	Kampung Bujang, Bedong Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi Ismail Restu bagi mengingatkan beliau tentang tarikh dan masa untuk temu bual pada hari itu • Membuat temu bual untuk kali yang kedua
Minggu Peperiksaan	Taman Lembah Bujang Indah	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan transkrip bagi temubual kedua. • Membuat log temubual untuk temubual pertama dan kedua, • Menulis artikel tentang Ismail Restu berdasarkan transkrip

		temubual pertama dan kedua.
--	--	-----------------------------

GAMBAR KETIKA TEMUBUAL

Gambar Ketika Temubual Pertama




Gambar Ketika Temubual Kedua



Gambar Sijil



Gambar Antara Karya Buku Ismail Restu





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN


Syarat-syarat mengenai wawancara/temubual yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan**ISMAIL AHMAD**.....


Pada**30 MEI 2018**.....

1. Pita rakaman hasil wawancara/temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dan lain-lain, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....
Pengkisah (Interviewee)


.....
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah